



**UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA**
National University of Malaysia

**GARIS PANDUAN
GERAN UNIVERSITI PENYELIDIKAN
(GUP)
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN
INOVASI
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Versi 2.0 (30/07/2008)

BAHAGIAN 1

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) telah memperuntukkan dana sebanyak RM50.0 juta (2007) dan RM62.5 juta (2008) di bawah RMK-9 bagi melaksanakan tanggungjawab UKM sebagai Universiti Penyelidikan. Terdapat dua bentuk penggunaan yang boleh dilaksanakan untuk Dana Universiti penyelidikan ini iaitu: -

- 1.1.1 Dana Operasi Universiti Penyelidikan (OUP)
- 1.1.2 Geran Universiti Penyelidikan (GUP)

1.2 TUJUAN GERAN UNIVERSITI PENYELIDIKAN (GUP)

1.2.1 Memantapkan bidang terserlah di UKM

Penyelidikan mestilah ditumpukan kepada Nic Penyelidikan yang telah dikenalpasti supaya bidang tersebut terus dapat dikembangkan sebagai teras utama penyelidikan yang mencirikan UKM sebagai sebuah universiti berintensifkan penyelidikan.

1.2.2 Memantapkan penyelidikan berkumpulan di bawah kelompok-kelompok

GUP bertujuan untuk memperkasakan kumpulan-kumpulan penyelidikan yang wujud di UKM. Kumpulan-kumpulan ini dikelompokkan kepada 35 kelompok penyelidikan di UKM, setiap satunya mempunyai persamaan fokus dan tema. Penyelidikan yang dilakukan mestilah sentiasa mengambilkira gabungan kerjasama ahli-ahli dari disiplin-disiplin lain yang memenuhi *Key Performance Indicator* (KPI) Universiti Penyelidikan.

1.2.3 Memantapkan rangkaian penyelidikan

Penyelidikan yang luas hendaklah diwujudkan supaya perkongsian maklumat, sumber dan peralatan penyelidikan dapat ditingkatkan dan dioptimumkan bukan sahaja secara dalaman, tetapi juga dengan universiti-universiti lain dari dalam dan luar Negara.

1.2.4 Penjanaan sumber tenaga kritikal

Penyelidikan mestilah menghasilkan golongan pakar dan kakitangan yang mempunyai kemahiran khusus bagi memastikan penyelidikan dalam bidang berkenaan dapat diteruskan dari segi kesinambungannya.

1.3 NIC PENYELIDIKAN UKM

1.3.1 Mulai tahun 2008, UKM telah membuat semakan semula terhadap Nic Penyelidikan dan Nic Penyelidikan yang telah dipersetujui adalah:

- i. Jati Diri Kebangsaan, Negara Bangsa, Kepelbagaian Budaya dan Globalisasi
- ii. Pembangunan Lestari Wilayah
- iii. Tenaga Keterbaharuan
- iv. Teknologi Kesihatan dan Perubatan
- v. Perubahan Iklim
- vi. Nanoteknologi dan Bahan Termaju
- vii. Kepelbagaian Biologi dalam Pembangunan Bioteknologi

BAHAGIAN II

SYARAT DAN PERATURAN

KATEGORI A

PERMOHONAN DARIPADA

KUMPULAN PENYELIDIKAN BERDAFTAR DENGAN UNIVERSITI

2.1 KELAYAKAN DAN KRITERIA PEMILIHAN

- 2.1.1 Kelayakan dan kriteria pemilihan adalah berdasarkan kepada Kumpulan Penyelidikan yang telah berdaftar dengan Universiti (Pendaftaran kumpulan secara rasmi melalui Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti (SMPU) yang diuruskan oleh PPPI).
- 2.1.2 Kumpulan Penyelidikan Berdaftar yang ingin memohon GUP diwajibkan mempunyai sekurang-kurangnya dua atau lebih projek penyelidikan yang dibiayai oleh dana luar universiti.
- 2.1.3 Walau bagaimanapun, dalam kes-kes tertentu kumpulan penyelidikan yang tiada dana luar universiti boleh memohon GUP bagi tujuan strategik UKM.
- 2.1.4 Geran ini juga dibuka kepada projek sedia ada yang ingin dikembangkan kepada projek lanjutan. Dalam kes ini, sekiranya permohonan ini Berjaya, penyelidik perlu mengemukakan laporan akhir bagi projek sedia ada dan memberikan fokus kepada projek yang baru diluluskan.

2.2 SYARAT DAN PERATURAN

- 2.2.1 Setiap kumpulan penyelidikan berdaftar digalakkan mempunyai satu projek GUP yang komprehensif.
- 2.2.2 Permohonan perlu dibuat menggunakan borang permohonan GUP yang disediakan oleh PPPI dan dikemukakan ke PPPI dalam tempoh seperti yang ditetapkan. Semua permohonan akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian yang terdiri daripada semua Penyelaras Nic Penyelidikan dan ahli-ahli pakar yang dilantik oleh Universiti.
- 2.2.3 Ketua Kumpulan Penyelidikan secara automatik menjadi ketua projek. Walau bagaimanapun ahli-ahli yang lain dalam kumpulan berkenaan boleh dilantik sebagai ketua projek tertakluk kepada persetujuan Ketua Kumpulan Penyelidikan berkenaan.
- 2.2.4 Jumlah peruntukan maksimum bagi setiap projek ditentukan berasaskan kepada keperluan sebenar projek. *Fulltime Equivalent* (FTE) penyelidik teras dalam setiap kumpulan penyelidikan lebih merujuk kepada sumber manusia yang terlibat dalam projek penyelidikan berkenaan. Peruntukan sebenar yang diagihkan adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian. Walau bagaimanapun, jumlah FTE bagi setiap kumpulan penyelidikan boleh dijadikan sebagai panduan dalam pemberian dana.
- 2.2.5 Tempoh projek penyelidikan adalah antara 1 hingga 3 tahun.
- 2.2.6 Jumlah peruntukan diagihkan secara tahunan berasaskan prestasi projek penyelidikan.
- 2.2.7 Semua perbelanjaan yang dibuat perlu mengikut perancangan dalam Borang Cadangan Penyelidikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penilaian dan perpindahan peruntukan di antara vote tidak digalakkan. Peraturan perbelanjaan tertakluk kepada peraturan perolehan UKM dan Perbendaharaan.

KATEGORI B
PERMOHONAN BAGI TUJUAN PEMBIDAAN KOMPETITIF
(PROJEK STRATEGIK UKM)

2.3 KELAYAKAN DAN KRITERIA PEMILIHAN

2.3.1 Geran ini dibuka kepada:

- a. Pusat Perkembangan Pelajar (PPP) dan Kolej-kolej kediaman. Permohonan daripada Kolej Kediaman perlu dikemukakan melalui PPP.
- b. Kumpulan Penyelidikan Berdaftar (kelayakan dan kriteria serta syarat dan peraturan adalah tertakluk kepada perkara 2.1 dan 2.2 di atas).
- c. Pusat Tanggungjawab Perkhidmatan di bawah Universiti.

2.4 SYARAT DAN PERATURAN

- 2.4.1 Permohonan perlu dibuat menggunakan borang permohonan GUP yang disediakan oleh PPPI dan dikemukakan ke PPPI dalam tempoh seperti yang ditetapkan. Semua permohonan akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian yang terdiri daripada semua Penyelaras Nic Penyelidikan dan ahli-ahli pakar yang dilantik oleh Universiti.
- 2.4.2 Jumlah peruntukan maksimum bagi setiap projek ditentukan berasaskan kepada keperluan sebenar projek. *Fulltime Equivalent* (FTE) penyelidik teras dalam setiap kumpulan penyelidikan lebih merujuk kepada sumber manusia yang terlibat dalam projek penyelidikan berkenaan. Peruntukan sebenar yang diagihkan adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian. Walau bagaimanapun, jumlah FTE bagi setiap kumpulan penyelidikan

boleh dijadikan sebagai panduan dalam pemberian dana (Syarat ini tidak terpakai bagi permohonan dari pihak yang dinyatakan pada 2.3.1.a dan 2.3.1.c di atas).

- 2.4.3 Tempoh projek penyelidikan adalah antara 1 hingga 3 tahun.
- 2.4.4 Jumlah peruntukan diagihkan secara tahunan berdasarkan prestasi projek penyelidikan.
- 2.4.5 Semua peraturan yang berkaitan dengan pelajar adalah tertakluk kepada peraturan sedia ada Universiti.
- 2.4.6 Semua perbelanjaan yang dibuat perlu mengikut perancangan dalam Borang Cadangan Penyelidikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penilaian dan perpindahan peruntukan di antara vote tidak digalakkan. Peraturan perbelanjaan tertakluk kepada peraturan perolehan UKM dan Perbendaharaan.

BAHAGIAN III

SKOP BELANJAWAN

3.1 SKOP BELANJAWAN

Skop belanjawan GUP merangkumi Vote 11000 (Upah dan Elaun untuk pegawai kontrak dan sementara, Vote 14000 (Elaun Kerja Lebih Masa), Vote 21000 (Perjalanan dan Pengangkutan), Vote 22000 (Pengangkutan Barang), Vote 23000 (Perhubungan dan Utiliti), Vote 24000 (Sewaan), Vote 26000 (Bahan Peralatan Penyelidikan), Vote 27000 (Bekalan & Bahan-bahan lain), Vote 28000 (Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai), Vote 29000 (Perkhidmatan dan Perkhidmatan Khas/Belanja Pakai Habis) dan Vote 35000 (Aksesori dan Peralatan). Perincian bagi setiap Vote adalah seperti berikut:

- 3.1.1 Vote 11000 (Upah dan Elaun untuk pegawai kontrak dan sementara)
- i. Melantik Felo Pasca Doktorat, Pembantu Penyelidik (RA) dan Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) mengikut kadar bayaran yang ditetapkan oleh UKM. Pelantikan ini diuruskan oleh PPPI.
 - ii. Melantik kakitangan selain yang dinyatakan pada perkara 3.1.1.i di atas bagi tujuan membantu dalam penyelidikan. Pelantikan ini diuruskan oleh Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar.

3.1.2 Vote 14000 (Elaun Kerja Lebih Masa)

Kerja lebih masa yang dilakukan bagi menjalankan kerja-kerja penyelidikan berkaitan.

3.1.3 Vote 21000 (Perjalanan dan Pengangkutan)

- i. Perjalanan dalam dan luar negara bagi tujuan menghadiri persidangan, seminar atau bengkel untuk membentangkan hasil penyelidikan atau melakukan sebahagian daripada penyelidikan.
- ii. Perjalanan yang dibenarkan adalah berdasarkan perancangan yang telah diluluskan dalam Borang Cadangan Penyelidikan, dan ia tertakluk kepada prosedur dan peraturan yang ditetapkan oleh Universiti.

3.1.4 Vote 22000 (Pengangkutan Barang)

Melibatkan pengangkutan kapal atau pengangkutan udara dan akaun amanah kumpulan wang insurans.

3.1.5 Vote 23000 (Perhubungan dan Utiliti)

Telefon, faksimili, pos dan lain-lain.

3.1.6 Vote 24000 (Sewaan)

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. Sewa pengangkutan mestilah dibuat dengan syarikat pengangkutan berlesen.

3.1.7 Vote 26000 (Bahan Peralatan Penyelidikan)

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja boleh dibuat.

3.1.8 Vote 27000 (Bekalan & Bahan-bahan lain)

Semua bekalan dan bahan-bahan lain termasuk haiwan, pokok dan benih untuk penyelidikan.

3.1.9 Vote 28000 (Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai)

- ii. Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.
- ii. Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan.
- iii. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh Geran ini.

3.1.10 Vote 29000 (Perkhidmatan dan Perkhidmatan Khas/Belanja Pakai Habis)

- i. Perkhidmatan - Lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.
- ii. Perkhidmatan Khas/Belanja Pakai Habis - Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus jangka pendek untuk mempelajari teknik-teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

3.1.11 Vote 35000 (Aksesori dan Peralatan)

- i. Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan dibenarkan.
- ii. Pembelian Komputer/ Notebook
 - a. Pembelian komputer/notebook dibenarkan tertakluk kepada kelulusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penilaian Universiti.
 - b. Pembelian sebuah komputer/notebook yang berharga kurang daripada RM3,000.00 diletakkan di bawah Vote 26000, manakala yang berharga RM3,000.00 dan ke atas perlu diletakkan di bawah Vote 35000.

BAHAGIAN IV

PEMANTAUAN PRESTASI PROJEK

4.1 LAPORAN KEMAJUAN PROJEK

- 4.1.1 Laporan kemajuan projek dan laporan kewangan perlu disediakan pada setiap enam bulan sekali menggunakan Borang Laporan Kemajuan (PPPI/GUP/LKP-01).
- 4.1.2 PPPI akan mengeluarkan surat pemakluman kepada ketua kumpulan mengenai penghantaran Laporan Kemajuan Penyelidikan, sebulan sebelum tarikh laporan kemajuan tersebut perlu dihantar.
- 4.1.3 Laporan kemajuan ini akan dibawa ke Jawatankuasa Penilaian dan keputusan/rumusan penilaian akan dimaklumkan kepada ketua kumpulan dalam tempoh dua minggu selepas tarikh mesyuarat Jawatankuasa Penilaian.

4.2 LAPORAN AKHIR

4.2.1 Laporan Tamat Penyelidikan

- i. Laporan tamat penyelidikan perlu disediakan dalam tempoh 3 bulan selepas projek tamat, menggunakan Borang Laporan Tamat Penyelidikan (PPPI/GUP/LTP-02).
- ii. PPPI akan mengeluarkan surat pemakluman kepada ketua kumpulan mengenai penghantaran Laporan Tamat Penyelidikan, dalam tempoh sebulan sebelum projek tamat.
- iii. Laporan ini akan dibawa ke Jawatankuasa Penilaian dan keputusan/rumusan penilaian akan dimaklumkan kepada ketua kumpulan dalam tempoh dua minggu selepas tarikh mesyuarat Jawatankuasa Penilaian.

4.2.2 Laporan Akhir Penyelidikan (Laporan Teknik/Saintifik)

- i. Laporan Akhir Penyelidikan perlu disediakan dalam tempoh 3 bulan selepas Laporan Tamat Penyelidikan dikemukakan, menggunakan format yang ditetapkan.
- ii. Pemakluman kepada ketua kumpulan mengenai penyediaan Laporan Akhir Penyelidikan ini dinyatakan bersama dalam surat pemakluman seperti pada perkara 4.2.1 (ii) di atas.
- iii. Laporan ini akan dibawa ke Jawatankuasa Penilaian dan keputusan/rumusan penilaian akan dimaklumkan kepada ketua kumpulan dalam tempoh dua minggu selepas tarikh mesyuarat Jawatankuasa Penilaian.

4.3 PENILAIAN PRESTASI PROJEK

- 4.3.1 PPPI akan mengadakan Seminar Pemantauan Projek Penyelidikan pada setiap tahun.
- 4.3.2 Setiap ketua projek penyelidikan perlu membuat pembentangan pencapaian projek dalam seminar ini. Setiap projek juga perlu mengisi Borang KPPU bagi tujuan penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian.
- 4.3.3 Keputusan penilaian akan dimaklumkan kepada semua kumpulan penyelidikan dalam tempoh seminggu selepas kelulusan oleh Pengurusan Tertinggi Universiti.
- 4.3.4 Keputusan penilaian ini menjadi asas kepada penentuan kecemerlangan dan pencapaian KPI universiti penyelidikan bagi setiap kumpulan penyelidikan. Hasil penilaian ini juga dijadikan asas kepada agihan dana berikutnya. Walau bagaimanapun perkara ini tertakluk kepada sebarang pindaan polisi oleh pihak universiti.

TAMAT